

## **PENETAPAN BILANGAN ZIKIR DALAM PENGAMALAN TAREKAT: PENILAIAN RESPONSIF MENURUT AL-SUNNAH**

**Mohammad Fahmi Abdul Hamid**  
Universiti Teknologi MARA Melaka  
Emel: *fahmihamid@uitm.edu.my*

**Nur Afifah Fadzil**  
Kolej Universiti Islam Melaka  
Emel: *nurafifahfadzil@kuim.edu.my*

**Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi**  
Kolej Universiti Islam Melaka  
Emel: *dzarif@kuim.edu.my*

**Ahmad Nurilakmal Norbit**  
Kolej Universiti Islam Melaka  
Emel: *nurilakmal@kuim.edu.my*

**Abdul Muhaimin Abu Bakar**  
Kolej Universiti Islam Melaka  
Emel: *muhaimin@kuim.edu.my*

*Corresponding Author's Email: nurafifahfadzil@kuim.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 10 June 2021*

*Accepted : 14 June 2021*

*Published : 31 October 2021*

### **ABSTRAK**

Kajian ini memfokuskan penetapan bilangan tertentu ketika berzikir yang diamalkan dalam tarekat tasawuf. Permasalahan bermula apabila timbul tohmahan terhadap pengamalan sedia ada majlis zikir tarekat tasawuf yang mana tidak bertepatan dan selari dengan perbincangan Sunnah serta mendakwa terdapat tokoh tambah dalam amalan tarekat tasawuf. Oleh itu, kajian ini menilai penetapan bilangan ketika berzikir yang diamalkan oleh pengamal tarekat tasawuf menurut perbincangan Sunnah. Kajian ini memfokuskan metodologi kualitatif deskriptif dengan penelitian terhadap hadis berkaitan penetapan bilangan zikir dan dokumen pengamalan zikir tarekat tasawuf. Mekanisme analisis terhadap pengamalan tersebut menggunakan hadis sebagai dalil utama, disokong dengan dalil al-Quran serta perbincangan ulama untuk melihat kesejajaran pengamalan tersebut berpandukan perbincangan Sunnah. Dapatan menunjukkan penetapan bilangan tertentu antaranya seperti lafaz zikir Ya Latif sebanyak 164 kali yang diamalkan dalam Tarekat Qadiriyyah wa

Naqsyabandiah, zikir surah al-Ikhlas sebanyak 1000 kali yang diamalkan oleh Tarekat Naqsyabandiyah Kholidiyyah, zikir Ya Latif sebanyak 70, 100, 1,000, 3,000 atau 16,641 kali, Hasballah 70 atau 450 kali dan Hawqallah 100 kali yang diamalkan oleh Tarekat al-Ahmadiyah al-Idrisiah al-Rashidiah al-Dandarawiah dan selawat 10000 kali yang diamalkan oleh Tarekat al-Syazuliyah al-Darqawiyah menepati perbahasan Sunnah dan pernah diamalkan oleh generasi Salaf.

**Kata Kunci:** Bilangan, Zikir, Tarekat, Tasawuf, Majlis Zikir

### ***DETERMINATION OF THE NUMBER OF ZIKIR IN THE PRACTICE OF TAREKAT: RESPONSIVE EVALUATION ACCORDING TO AL-SUNNAH***

#### **ABSTRACT**

*This study focuses on the determination of a certain number of dhikr which is practiced in the Sufi order. The problem began when there were accusations against the existing practice of the dhikr ceremony in the Sufi order which did not coincide and in line with the Sunnah debate and claimed that there was an exaggeration in the practice of the Sufi order. Therefore, this study evaluates the determination of the number of dhikr practiced by the practitioners of Sufism according to the Sunnah debate. This study focuses on a descriptive qualitative methodology with research on hadith related to the determination of the number of dhikr and documents on the practice of dhikr in the Sufi order. The mechanism of analysis of the practice uses hadith as the main evidence, supported by the evidence of the Quran and the debate of scholars to see the alignment of the practice based on the Sunnah debate. Findings show the determination of a certain number such as Ya Latif dhikr recitation as many as 164 times practiced in the Qadiriyyah wa Naqsyabandiah, surah al-Ikhlas dhikr as many as 1000 times practiced by the Naqsyabandiyah Kholidiyyah, Ya Latif dhikr as many as 70, 100, 1,000, 3,000 or 16,641 times, Hasballah 70 or 450 times and Hawqallah 100 times practiced by al-Ahmadiyah al-Idrisiah al-Rashidiah al-Dandarawiah and selawat 10000 times practiced by al-Syazuliyah al-Darqawiyah comply with the Sunnah debate and have been practiced by the Salaf generation.*

**Keywords:** Number, Dhikr, Order, Sufi, Dhikr occasion

#### **PENGENALAN**

Tasawuf didefinisikan sebagai satu proses penyucian diri dengan amalan zikir yang telah diamalkan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Manakala tarekat pula merupakan salah satu metode yang bertujuan menghayati dan mencapai

hakikat tasawuf secara lebih tersusun, sistematik dan progresif. Tarekat tasawuf merupakan satu kaedah pembersihan hati yang tersusun dan mempunyai kaedah tersendiri yang dipimpin oleh syeikh tarekat masing-masing dan berperanan dalam pembinaan jati diri ummah yang cemerlang dan produktif berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah (Zulkifli Mohammad al-Bakri, 2011). Dalam dunia ilmu tarekat terhimpun segala macam ilmu, amalan dan adab yang diwarisi daripada salasilah para syeikh tarekat terdahulu bermula daripada pengasasnya hingga kepada pengamalannya. Segala perkara berkaitan tarekat telah disusun dan dipatrikan dalam satu organisasi tersendiri, disebarikan oleh tokoh-tokoh yang berwibawa dan diamalkan berlandaskan syariat.

Perbincangan berkaitan tarekat tasawuf dan pengamalan zikir dalam tarekat tasawuf menunjukkan keperluan dalam melaksanakan kajian berterusan bagi memantapkan disiplin ilmu ini. Hal ini jelas bertujuan menyelesaikan permasalahan yang timbul supaya wujudnya pengamalan tarekat tasawuf yang berpaksikan pada sumber autentik daripada al-Quran dan al-Sunnah. Era globalisasi ini memperlihatkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh umat Islam khususnya di Malaysia. Hal ini turut memberi kesan kepada tarekat tasawuf. Antara cabaran yang dihadapi ialah amalan bertarekat dilihat asing dalam kehidupan sebilangan umat Islam kerana kekeliruan ilmu dan amal dalam kalangan umat Islam menimbulkan fitnah kepada disiplin ilmu tarekat tasawuf (Arieff Salleh et.al, 2021).

Selain itu, pengaruh ajaran sesat yang mengancam kesucian akidah umat Islam di mana setiap doktrin ajaran sesat itu tanpa disedari telah meresap masuk secara halus ke dalam diri setiap umat Islam. Akibatnya, akidah umat semakin goyah dan paling merisaukan apabila terdapat segelintir individu tidak bertanggungjawab yang mendukung ajaran sesat giat mempromosikan ajaran tersebut. Senario yang paling mendukacitakan lagi apabila fenomena ajaran sesat di Malaysia sering dikaitkan dengan ajaran tarekat tasawuf. Situasi ini wujud apabila terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab telah mengeksploitasi nama tarekat tasawuf dalam ajaran sesat mereka. Hal ini menyebabkan tarekat tasawuf sering dipandang serong oleh segelintir masyarakat Islam di Malaysia (Zakaria Stapa, 2012).

Rentetan daripada masalah tersebut, pihak yang tidak bersetuju atau menolak tarekat tasawuf terdiri daripada golongan intelektual sering memandang negatif terhadap tarekat tasawuf (Wan Mohd Saghir Wan Abdullah, 2021). Malah ada yang menuduh tarekat tasawuf umumnya di Malaysia mengamalkan ajaran sesat yang bukan daripada Sunnah Nabi SAW serta mendakwa terdapat tokoh tambah dalam amalan tarekat tasawuf tersebut (Zakaria Stapa, 2016). Rasul Dahri (1998) juga menyatakan ibadah tarekat tasawuf dipenuhi dengan bidaah seperti mencipta wirid atau zikir sendiri. Ditambah pula ada yang menyatakan disiplin ilmu tarekat tasawuf sudah tidak relevan dan tidak sesuai untuk diamalkan pada zaman sekarang (Zakaria Stapa, 1996). Walhal, disiplin ilmu tarekat tasawuf ini sudah sekian lama diamalkan oleh para ulama silam dan kekal relevan sehingga ke hari ini. Tidak dinafikan juga bahawa tarekat tasawuf yang tidak jelas sumber pengambilannya atau

salasilahnya merupakan tarekat tasawuf yang batil (Wan Mohd Saghir Wan Abdullah, 2021).

Menurut Khalif Muammar (2015), persepsi negatif terhadap tarekat tasawuf juga kadangkala berasas bila mana terlalu banyak ajaran sesat di Malaysia yang kononnya mendakwa cabang dari tarekat-tarekat tertentu, sedangkan mereka ini adalah pengamal sufi palsu dan ia perlu ditolak (Wan Mohd Saghir Wan Abdullah, 2021). Penyelewengan dalam amalan bertarekat yang tersasar daripada manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah telah pun wujud seawal kurun ke 5 Hijrah (Arieff Salleh et.al 2021). Hal ini boleh dilihat melalui kenyataan Syeikh Abdul Qadir al-Jilani (1998) menyatakan bahawa ahli tarekat tasawuf dikategorikan kepada 12 kelompok dan hanya satu kelompok sahaja yang selamat manakala 11 lagi telah tersasar daripada Islam yang sebenar. Beliau telah menggelarkan ahli tarekat yang selamat itu sebagai golongan "sunniiyun" iaitu mereka yang mempraktikkan keseluruhan amalan tarekat tasawuf sesuai dengan syariat.

Justeru itu, kajian ini berbentuk deskriptif yang dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Metodologi kajian ini bersesuaian untuk menganalisis teks hadis berkaitan penetapan bilangan zikir dan pengamalan penetapan zikir yang terdapat dalam buku amalan zikir pengamal tarekat tasawuf. Mekanisme analisis terhadap pengamalan tersebut menggunakan hadis sebagai dalil utama, disokong dengan dalil al-Quran serta perbincangan ulama untuk melihat keselarian pengamalan tersebut berpandukan perbincangan al-Sunnah.

## **KEDUDUKAN AMALAN ZIKIR DALAM TAREKAT TASAWUF**

Perkataan zikir dalam bahasa Arab berasal daripada kata dasar *dhakara* yang membawa maksud memelihara sesuatu, menyebut dengan hati, menyebut setelah terlupa dan mempelajari (Ibn Manzur, 2013). Dari segi istilah, zikir ialah ingatan hamba kepada Tuhannya sama ada dari sudut zat, sifat, perbuatan dan hukum, melalui membaca al-Quran, berdoa, mensucikan, memuliakan, mentauhidkan, memuji, mensyukuri dan mengagungkan-Nya (al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah, 1992). Menurut Kamus Dewan (2021), zikir bermaksud suatu perbuatan mengingati, memuji dan berdoa kepada Allah SWT dengan berulang-ulang.

Zikir sangat dititikberatkan kerana merupakan kaedah spritual seorang *salik* iaitu orang yang berusaha menuju Allah melalui ilmu tarekat tasawuf untuk merealisasikan dan mencapai *makrifatullah* (Mustafa Zahri, 1984). Selain daripada itu, ia sangat signifikan berdasarkan matlamat utamanya iaitu untuk mendekatkan diri kepada Allah (al-Jilani, 1998) dan agar seseorang *salik* itu hatinya tidak mati dari mengingati Allah SWT (Faisal Muhammad Nur, 2017). Bukan itu sahaja, seorang *salik* sentiasa memenuhi masanya dengan berzikir agar masanya itu tidak berlalu dengan sia-sia serta dapat memelihara hatinya daripada lalai dan terkena penyakit hati yang lain (Arieff Salleh et.al, 2021). Kedudukan zikir sangat istimewa dalam tarekat kerana merupakan sebagai cara pengislahan diri dan penyucian hati (Che Zarrina, 2007). Seorang *salik* yang

sedang berzikir juga merupakan satu bentuk interaksi yang berkesan dalam merasai keberadaan Tuhan dalam setiap detik kehidupan (al-Falimbani, t.t).

Jelas di sini, zikir dalam disiplin tarekat tasawuf merupakan ibadah utama dan kewajipan bagi seorang *salik* di mana segala *maqamat* dan *ahwal* dalam perjalanan kerohanian umumnya bersumberkan daripada amalan zikir. Praktis ini mampu mencapai aspek tauhid dan matlamat akhir dalam perjalanan untuk mendekati diri kepada Allah SWT melalui pengamalan berterusan para *salik* dalam berzikir.

## **PENGAMALAN PENETAPAN BILANGAN ZIKIR MENURUT PERSPEKTIF SUNNAH**

Disiplin zikir dalam tarekat mempunyai beberapa syarat yang perlu diketahui dan dipatuhi antaranya ialah penetapan bilangan zikir. Meskipun bilangan zikir berbeza namun tujuannya masih sama iaitu mendekati Allah SWT melalui pengamalan zikir. Terdapat satu kaedah yang telah dikenal pasti yang dijelaskan dalam hadis iaitu menetapkan bilangan tertentu ketika berzikir atau juga boleh dinamakan sebagai zikir *al-Muqayyad*.

Perkataan *al-Muqayyad* berasal daripada kalimah bahasa Arab iaitu *Qayyada*, *Yuqayyidu*, *Muqayyad* yang bermaksud terikat (Uthman Khalid, 2006). Dalam Kamus Dewan, perkataan “terikat” bermaksud tidak bebas dan tertakluk kepada sesuatu. Zikir *al-Muqayyad* bermaksud amalan zikir yang terikat dengan waktu, ruang dan kejadian tertentu. Waktu tertentu yang dimaksudkan adalah seperti zikir selepas solat, zikir dalam perjalanan, zikir ketika sakit, zikir ketika mendapat musibah dan bencana dan lain-lain zikir. Ruang tertentu yang dimaksudkan pula adalah seperti zikir di Masjid al-Haram, Masjid Nabawi dan masjid-masjid lain yang disebutkan sebagai tempat yang baik untuk berzikir.

Kaedah zikir *al-Muqayyad* merupakan kaedah zikir yang dianjurkan dan telah dijelaskan dalam al-Quran untuk berzikir pada waktu pagi dan petang iaitu antaranya ialah dalam surah al-Fath ayat 9,

*“(Kami mengutusmu wahai Muhammad) supaya engkau dan umatmu beriman kepada Allah dan RasulNya dan supaya kamu kuatkan agamanya serta memuliakannya dan supaya kamu beribadat kepadanya pada waktu pagi dan petang” dan surah al-Imran ayat 41 “Dan ingatlah kepada Tuhanmu (dengan berzikir) banyak-banyak dan bertasbihlah memuji Allah (dengan mengerjakan sembahyang), pada waktu malam dan pada waktu pagi”*

Abu Bakar Jabir al-Jazairi (1990) ketika menafsirkan ayat 9 surah al-Fath mengatakan bahawa bertasbih itu merupakan hak Allah SWT yang boleh menyucikan jiwa serta dianjurkan pada waktu pagi dan petang. Bahkan ketika menafsirkan ayat 42 surah al-Imran, beliau menjelaskan perintah keutamaan berzikir kepada Allah SWT pada waktu pagi dan petang. Wahbah al-Zuhayli

(2009) pula menyatakan, anjuran berzikir pada waktu pagi dan petang lebih utama dari waktu lain kerana dua waktu tersebut mempunyai kelebihan dan keistimewaan tersendiri kerana dipersaksikan oleh malaikat yang bertugas pada waktu malam dan siang. Melalui penetapan waktu berzikir, mampu mewujudkan perasaan takut dalam diri, mengagungkan Allah SWT dan dikatakan sebagai suatu amalan berbentuk disiplin dalam perjalanan mendekati diri kepada Allah SWT.

Dalam hadis pula, Nabi SAW telah menjelaskan tentang pelaksanaan zikir *al-Muqayyad* yang boleh dibahagikan kepada dua iaitu terikat dengan waktu dan bilangan. Antara hadis yang menjelaskan praktikal ini ialah [Pertama] hadis berkaitan anjuran berzikir selepas solat fardu iaitu,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : جَاءَ الْفُقَرَاءُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالُوا : ذَهَبَ أَهْلُ الدُّنُورِ مِنَ الْأَمْوَالِ بِالذَّرَجَاتِ الْعُلَا وَالنَّعِيمِ الْمُقِيمِ ، يُصَلُّونَ كَمَا نُصَلِّي وَيَصُومُونَ كَمَا نَصُومُ ، وَلَهُمْ فَضْلٌ مِنْ أَمْوَالٍ يَحُجُّونَ بِهَا وَيَعْتَمِرُونَ وَيُجَاهِدُونَ وَيَتَصَدَّقُونَ ، قَالَ : " أَلَا أَدِدْتُكُمْ بِأَمْرِ إِنْ أَحَدْتُمْ بِهِ أَدْرَكْتُمْ مَنْ سَبَقَكُمْ وَلَمْ يُدْرِكْكُمْ أَحَدٌ بَعْدَكُمْ وَكُنْتُمْ خَيْرَ مَنْ أَنْتُمْ بَيْنَ ظَهْرَانِيهِ ، إِلَّا مَنْ عَمِلَ مِثْلَهُ تُسَبِّحُونَ وَتُحْمَدُونَ وَتُكَبَّرُونَ خَلْفَ كُلِّ صَلَاةٍ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ ، فَاخْتَلَفْنَا بَيْنَنَا ، فَقَالَ : بَعْضُنَا تُسَبِّحُ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ وَنُحْمَدُ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ وَتُكَبَّرُ أَرْبَعًا وَثَلَاثِينَ ، فَرَجَعْتُ إِلَيْهِ ، فَقَالَ : تَقُولُ سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ حَتَّى يَكُونَ مِنْهُنَّ كُلُّهُنَّ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ "

Terjemahan: *Daripada Abu Hurayrah RA, para sahabat daripada golongan miskin datang kepada Nabi SAW dan berkata, "Wahai Rasulullah, orang-orang kaya yang meninggal dengan membawa darjat yang tinggi dan nikmat yang kekal. Mereka solat sebagaimana kami solat, mereka berpuasa sama sebagaimana kami berpuasa, sementara mereka memiliki keutamaan berupa harta yang mereka gunakan untuk haji dan umrah, berjihad dan bersedekah". Nabi bersabda, aku beritahu tentang sesuatu kepada kalian yang dengannya kalian boleh mencapai orang-orang yang mendahului. Tidak akan ada seorang pun yang dapat mencapai kalian setelah itu, dan kalian adalah yang terbaik di antara orang-orang yang kalian berada di antaranya, kecuali orang yang mengerjakan seperti yang kalian lakukan; kalian bertasbih dan bertahmid serta bertakbir selepas solat tiga puluh tiga kali." Lalu terjadi perbezaan di antara kami, sebahagian di antara kami*

berkata, “Kita bertasbih tiga puluh tiga kali, bertahmid tiga puluh tiga kali dan bertakbir tiga puluh empat kali. Aku pun menanyakan kembali kepada Baginda, maka Baginda menjawab, “Subhannallah walhamdu lillah wallahu akbar, hingga tiap-tiap darinya berjumlah tiga puluh tiga kali”. Şahih al-Bukhari: [Kitab Abwab Sifat al-Salah, Bab al-Dhikr Ba‘da al-Salah, no. hadis 843]

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2001), hadis di atas merupakan dalil keutamaan berzikir selepas solat. Selain itu, [Kedua] hadis berkaitan anjuran berzikir pada waktu pagi dan petang iaitu,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ قَالَ : لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ ، لَهُ لَهُ الْمُلْكُ ، وَلَهُ الْحَمْدُ ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ فِي يَوْمٍ مِائَةَ مَرَّةٍ ، كَانَتْ لَهُ عَدَلٌ عَشْرَ رِقَابٍ ، وَكُتِبَ لَهُ مِائَةُ حَسَنَةٍ ، وَمُحِيَّتْ عَنْهُ مِائَةُ سَيِّئَةٍ ، وَكَانَتْ لَهُ جِزْرًا مِنَ الشَّيْطَانِ يَوْمَهُ ذَلِكَ حَتَّى يُمْسِيَ ، وَلَمْ يَأْتِ أَحَدٌ بِأَفْضَلٍ مِمَّا جَاءَ إِلَّا رَجُلٌ عَمِلَ أَكْثَرَ مِنْهُ . "

Terjemahan: *Daripada Abu Hurayrah RA, Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda; “Barangsiapa yang mengucapkan La ilaha illallahu wahdahu la syarikalah, la hul mulku walahul hamdu wahuwa ‘ala kulli syai’i qadir sebanyak 100 kali dalam sehari, maka ia seperti memerdekakan sepuluh orang hamba, dituliskan baginya 100 kebaikan, dihapuskan darinya 100 keburukan, ia menjadi perlindungan baginya daripada syaitan pada hari itu hingga petang. Dan tiada seorang pun yang dapat mendatangkan yang lebih baik daripada apa yang dibawanya, kecuali seseorang yang melakukan lebih banyak darinya”.* Sahih al-Bukhari: [Kitab al-Da‘wat, Bab Fadl al-Tahlil, no. hadis 6403]

Hadis di atas menjelaskan konsep zikir al-Muqayyad iaitu terikat dengan bilangan tertentu sebagaimana lafaz hadis “100 kali dalam sehari”. Namun bilangan ini bukanlah bilangan yang tetap dan maksimum, bahkan tiada larangan untuk mengucapkan zikir tersebut lebih daripada 100 kali. Apabila seseorang melafazkan zikir tersebut melebihi 100 kali, maka ia tetap mendapat kelebihan sesuai dengan kadar bilangan yang dilafazkannya, seperti mana bersandarkan kepada lafaz hadis “kecuali seseorang yang melakukan lebih banyak darinya” menunjukkan batasan 100 kali itu bukanlah batasan yang tetap dan kadar bilangan zikir yang maksimum (Abu al-Fadl Iyyad, 1998). Hal ini menunjukkan, tidak wujud larangan untuk melakukan kebaikan namun batasan awal atau penetapan bilangan hendaklah dilakukan dengan bilangan yang telah

ditetapkan untuk seseorang mendapat pahala yang telah ditentukan sebagaimana dalam hadis.

Bukan itu sahaja, [Ketiga] hadis berkaitan anjuran berzikir sebelum waktu tidur dengan bilangan yang ditetapkan iaitu,

عَنْ عَلِيٍّ : أَنَّ فَاطِمَةَ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ شَكَتَ مَا تَلْقَى فِي يَدَيْهَا مِنَ الرَّحَى ، فَأَتَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَسْأَلُهُ خَادِمًا فَلَمْ تَجِدْهُ ، فَذَكَرَتْ ذَلِكَ لِعَائِشَةَ ، فَلَمَّا جَاءَ أَخْبَرَتْهُ قَالَتْ : فَجَاءَنَا وَقَدْ أَخَذْنَا مَضَاجِعَنَا فَذَهَبْتُ أَقُومُ ، فَقَالَ : مَكَانِكَ ، فَجَلَسَ بَيْنَنَا حَتَّى وَجَدْتُ بَرْدَ قَدَمَيْهِ عَلَى صَدْرِي ، فَقَالَ : " أَلَا أَدُلُّكُمْ عَلَى مَا هُوَ خَيْرٌ لَكُمْ مِنْ خَادِمٍ ؟ إِذَا أَوْيْتُمْ إِلَى فِرَاشِكُمْ أَوْ أَخَذْتُمْ مَضَاجِعَكُمْ ، فَكَبِّرَا ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ ، وَسَبِّحَا ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ ، وَاحْمَدَا ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ ، فَهَذَا خَيْرٌ لَكُمْ مِنْ خَادِمٍ " ، وَعَنْ شُعْبَةَ ، عَنْ خَالِدٍ ، عَنْ ابْنِ سِيرِينَ ، قَالَ : التَّسْبِيحُ أَرْبَعٌ وَثَلَاثُونَ .

Terjemahan: *Daripada 'Ali, bahawa Fatimah mengadu kepada suaminya, Sayidina 'Ali bin Abu Talib RA tentang tangannya yang berasa sakit dan keletihan kerana terlalu banyak kerja rumah yang perlu dilakukan. Sayidatina Fatimah kemudian datang menemui ayahandanya baginda Rasulullah SAW untuk meminta seorang pembantu. Tetapi dia tidak berjaya menemui Rasulullah SAW dan hanya bertemu Sayidatina Aisyah RA. Kemudian Sayidatina Fatimah meninggalkan permintaannya kepada Sayidatina Aisyah untuk disampaikan kepada Rasulullah SAW. Apabila Rasulullah SAW tiba di rumah, Sayidatina Aisyah pun memberitahu Baginda tentang permintaan puterinya. Lalu Baginda telah pergi menemui puteri serta menantunya yang ketika itu telah berbaring di tempat tidur. Keduanya mahu berganjak bangun dan ingin menghampiri Baginda akan tetapi Rasulullah meminta mereka tetap di tempat pembaringan. Kemudian Baginda bersabda: "Mahukah kamu berdua aku ajarkan sesuatu yang lebih baik daripada apa yang kamu berdua minta? Ketika kalian berbaring hendak tidur, maka bacalah takbir (Allahu Akhbar) 34 kali, tasbih (Subhanallah) 33 kali dan tahmid (Alhamdulillah) 33 kali. Sesungguhnya yang demikian itu lebih baik bagi kalian daripada seorang pembantu. Sahih Muslim: [Kitab al-Dhikr wa al-Du'a' wa al-Tawbah wa al-Istighfar, Bab al-Tasbih Awwala al-Nahar wa 'inda al-Nawm, no. hadis 6915]*

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2001), hadis ini menunjukkan bahawa sunat berzikir dengan kaedah yang dinyatakan dengan lafaz tasbih 33 kali,



tahmid 33 kali dan takbir 34 kali sebelum tidur. Berzikir sebelum tidur mampu menenangkan hati dan fikiran disebabkan keadaan seharian yang penat bekerja di waktu siang. Hadis di atas merupakan antara hadis yang menjelaskan tentang praktikal zikir melalui penetapan masa dan bilangan tertentu. Oleh itu, dapat diketahui bahawa pelaksanaan zikir melalui penetapan bilangan zikir tertentu yang dianjurkan pada waktu tertentu yang dinamakan sebagai zikir *al-Muqayyad* telah dijelaskan dalam al-Quran dan al-Sunnah.

## **PRAKTIKAL PENETAPAN BILANGAN ZIKIR DALAM MAJLIS ZIKIR TAREKAT TASAWUF**

Artikel ini mengetengahkan pengamalan penetapan bilangan zikir yang terdapat dalam buku zikir yang digunakan ketika majlis zikir tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Mensasarkan buku zikir yang digunapakai dalam majlis zikir tarekat tasawuf di Negeri Sembilan sebagai fokus kajian atas kapasiti Negeri Sembilan antara negeri yang aktif mengadakan majlis zikir secara berkala.

Buku zikir yang dimaksudkan ialah [Pertama] buku “Ratib Besar” yang digunakan oleh pengamal tarekat Tarekat Naqsyabandiyyah Kholidiyyah (singkatan: TNK) di Kuala Klawang pimpinan Dr Muhammad Firdaus Abdul Manaf (2018) yang mengandungi surah Yasin, ayat daripada al-Quran, doa taubat dan juga lafaz-lafaz zikir. [Kedua] “Buku Selawat” iaitu buku zikir yang disusun oleh syeikh Tarekat al-Syazuliyah al-Darqawiyah (singkatan: TSD) pimpinan Ustaz Nasir Othman (2018) di Jempol yang di dalamnya mengandungi Hizib al-Bahr, Istighfar al-Kabir, al-Mazdujah al-Hasana’ dan selawat al-Azimiyyah. [Ketiga] Buku zikir “Uquudul Jumaan” yang digunakan dalam majlis zikir Tarekat Qadiriyyah wa Naqsyabandiah (singkatan: TQWN), di Nilai pimpinan Shaifudin Maulup (2018). [Keempat] Majmu’ah Awwad al-Tariqah al-Dusuqiyyah al-Muhammadiyyah iaitu buku zikir yang digunakan oleh pengamal Tarekat Dusuqiyyah Muhammadiyyah (Singkatan: TDM) di Seremban pimpinan Ustaz Nik Muhammad Rozi Nik Yusoff (2018) dan [Kelima] buku “Wirid Asas” iaitu buku zikir yang digunakan oleh Tarekat al-Ahmadiyah al-Idrisiah al-Rashidiah al-Dandarawiah (singkatan: TAIRD) di Rasah, Seremban pimpinan Ustaz Mohd Hasif Murtadza (2018). Melalui analisis terhadap buku-buku zikir tersebut, hasil mendapati bahawa penetapan bilangan zikir berbeza mengikut pengamalan tarekat masing-masing.

Bagi pengamal TNK, penetapan bilangan zikir yang perlu dilafazkan oleh setiap pengamal TNK seperti bacaan surah al-Fatihah adalah sebanyak tujuh kali, selawat 100 kali, surah al-Nas dibaca sebanyak 100 kali dan surah al-Ikhlas 1,000 kali. Bagi surah al-Ikhlas yang dibaca 1,000 kali ini dibahagi mengikut jumlah kehadiran pengamal tarekat yang hadir pada majlis zikir tersebut. Seperti contoh jika kehadiran pengamal tarekat pada majlis zikir itu seramai 10 orang maka setiap seorang membaca 100 kali surah al-Ikhlas dan jumlah keseluruhannya surah al-Ikhlas dibaca sebanyak 1,000 kali (Muhammad Firdaus, 2018).

Manakala praktikal bagi pengamal TQWN pula seperti Istighfar dibaca sebanyak empat kali, surah Fatihah 13 kali, selawat 33 kali, lafaz Hasballah 17

kali, lafaz Ya Latif 164 kali, dan lafaz tahlil *Lā ilāha illa Allāh* 165 kali. Bagi pengamal TQWN perlu melafazkan lafaz tahlil dalam sehari pada setiap kali selepas solat fardu sebanyak 165 kali dan jumlah keseluruhan lafaz tahlil yang dibaca pada hari tersebut berjumlah 825 kali (Shaifuddin, 2018). Pengamal TSD juga mempraktikkan bilangan zikir yang telah ditetapkan bilangan seperti berselawat 100 kali setiap seorang untuk mencapai bilangan 10,000 kali berselawat bagi keseluruhan pengamal TSD yang hadir dalam majlis zikir tersebut (Nasir, 2018)

TAIRD juga mempunyai bilangan zikir tertentu yang perlu dilafazkan oleh pengamalnya yang mana setiap pengamal perlu melafazkan Istighfar sebanyak 70 kali, Ya Latif 100, 1,000, 3,000 atau 16,641 kali, Hasballah 70 atau 450 kali, Hawqallah 100 kali dan lafaz lain yang telah ditetapkan. Namun, ketika majlis zikir, Syeikh TAIRD mengambil bilangan maksimum ketika melafazkan lafaz zikir tertentu. Jika terdapat kekangan semasa majlis zikir, beliau mengambil bilangan minimum sahaja ketika melafazkan sesuatu lafaz zikir tersebut (Mohd Hasif, 2018).

## **PENILAIAN PENGAMALAN MENETAPKAN BILANGAN ZIKIR BERPANDUKAN PERBAHASAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH**

Pengamalan zikir dengan menetapkan bilangan tertentu atau lebih dikenali sebagai zikir *al-Muqayyad* menimbulkan polemik tersendiri dan kekeliruan bagi golongan yang menolak tarekat tasawuf. Antara alasan penolakan ini kerana pengamal tarekat tasawuf telah menetapkan bilangan tertentu untuk berzikir. Hal ini selari dengan pandangan Abdul Rahman Abdullah (1997) dan al-Albani (Abu Ubaydah, 2007) menyatakan bahawa penetapan bilangan tertentu ketika berzikir adalah satu agenda *tajdīd* dalam mereka amalan baharu yang tiada sebarang sandaran syarak. Menurut Ibn Baz (1999), pada asasnya amalan berzikir meliputi waktu, tatacara dan jumlahnya mestilah dilakukan sesuai dengan dalil al-Quran dan al-Sunnah. Tidak boleh ditetapkan waktu, jumlah, tempat dan cara tertentu melainkan terdapat dalil yang mensyariatkan amalan tersebut. Begitu juga halnya berkenaan keharusan berzikir dengan bilangan zikir yang telah ditetapkan, harus berzikir sesuai dengan jumlah yang telah ditetapkan oleh syariat.

Bagi mereka yang menyokong pula menyatakan bahawa pengamal tarekat tasawuf tidak pun menetapkan batasan tertentu dalam amalan berzikir sebagai perkara wajib dan mesti dilaksanakan tetapi mereka hanyalah menetapkan sesuatu itu sebagai satu panduan bagi mereka agar sentiasa berzikir kepada Allah SWT. Hadis yang menunjukkan pengamalan Nabi tentang zikir *al-Muqayyad* seperti mana terkandung dalam hadis Riwayat Abu Hurayrah RA yang telah dinyatakan sebelum ini. Hadis tersebut adalah dalil yang menyokong amalan zikir *al-Muqayyad* kerana melalui hadis tersebut terdapat penetapan lafaz, bilangan dan waktu zikir yang dianjurkan oleh Nabi SAW.

Penetapan bilangan zikir seperti yang diamalkan oleh pengamal tarekat bukanlah mencipta bilangan zikir yang menyalahi sunnah Nabi SAW tetapi bertujuan untuk memperbanyakkan dan mempertingkatkan amalan zikir.

Penetapan bilangan tertentu untuk berzikir adalah sebagai satu motivasi agar berdisiplin dalam berzikir kepada Allah. Seorang syeikh tarekat boleh membimbing pengikutnya agar berzikir dengan jumlah tertentu bertujuan sebagai latihan dalam kerangka tarbiyah untuk memperkuat tekad berzikir kepada Allah serta menghindarkan diri daripada lalai dan malas daripada berzikir. Ini kerana apabila berzikir dengan jumlah yang tertentu, ia termasuk dalam golongan orang yang banyak berzikir kepada Allah SWT. Penetapan tersebut bukanlah satu penetapan yang wajib dilaksanakan tetapi dianjurkan untuk membentuk disiplin zikir dan memiliki keberkatan secara mikro mengikut ajaran para syeikh tarekat (Abd al-Qadir Isa, 2007). Penetapan bilangan zikir tersebut bukanlah satu penetapan yang bersifat tetap, tetapi satu cara untuk memperbanyakkan bilangan dan mempertingkatkan semangat berzikir (Sayyid Nur, 2000). Kaedah penetapan bilangan tertentu ketika berzikir tidak bertujuan berlebih-lebih dalam beribadat, tetapi hanyalah berfungsi sebagai satu teknik rawatan sementara yang digunakan bagi tujuan pembersihan jiwa dan bukannya sebagai syariat baharu dalam Islam. Kaedah ini sama sekali tidak bercanggah dengan agama, apatah lagi sebagai mencipta ajaran baharu (Sayyid Nur, 2000).

Melihat kepada sunnah para ulama salaf yang mana mereka juga ada menyusun amalan sendiri dan beriltizam dengannya seperti contoh yang diamalkan oleh Abu Hurayrah RA bertasbih setiap hari sebanyak 12,000 kali dan beristighfar setiap hari sebanyak 12,000 kali (Ibn Kathir, 1992). Begitu juga yang pernah diamalkan oleh seorang Tabi'in iaitu Khalid bin Ma'dan yang bertasbih sebanyak 40,000 kali setiap hari (Abu Nuaim, 1996). Ibn Taimiyyah juga pernah mengamalkan zikir *Ya Hayyu Ya Qayyum La Ilaha Illa Anta, Bi Rahmatika Astaghith* sebanyak 40 kali setiap hari (Ibn Qayyim al-Jauziyyah, 2003). Bukan itu sahaja, Ibn Taimiyyah juga mengamalkan zikir dengan mengulangi surah al-Fatihah dengan bilangan tertentu selepas fajar sehingga matahari mulai tinggi (Abu Hafsh Umar bin Ali al-Bazzar, 1976). Selain itu, menurut syeikh Daud al-Fathani (2019), ada dalam kalangan ulama sufi yang berzikir sebanyak 1000 kali sehari dan ada juga yang berzikir 70 ribu kali sehari.

Berbalik kepada penilaian terhadap amalan yang diamalkan oleh pengamal tarekat di Negeri Sembilan, pengamalan tersebut adalah selari dengan sunnah Nabi SAW. Setiap kaedah dan cara yang digunakan oleh pengamal tarekat tasawuf bukanlah satu perkara baharu atau rekaan tanpa asas yang bertentangan dengan syarak, bahkan telah diamalkan oleh generasi salaf dan para ulama. Praktikal itu juga bertindak sebagai satu kaedah bagi mencapai objektif dalam berzikir, yakni mendekatkan diri kepada Allah SWT. Kepelbagaian kaedah zikir menurut disiplin tarekat tasawuf masing-masing menunjukkan elemen kepelbagaian dalam praktis untuk mencapai matlamat mendekatkan diri kepada Allah melalui jalan zikir tertentu yang sesuai dengan jiwa seseorang. Itulah yang dipraktikkan dalam tarekat tasawuf yang mana disiplin tarekat tasawuf semuanya berbeza, tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu mendekatkan diri kepada Allah dengan berzikir kepadaNya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian terhadap pengamalan penetapan bilangan zikir adalah menepati sunnah Nabi SAW dan penetapan bilangan zikir itu juga pernah diamalkan oleh generasi Salaf. Tidak menjadi satu kesalahan jika seseorang hendak bertasbih lebih daripada 100 kali. Penetapan itu sebenarnya hanya bertujuan sebagai latihan dan panduan berzikir dan bukanlah penetapan yang qat'ie lagi mutlak. Praktikal mengkhususkan bilangan zikir tertentu mempunyai sandaran dalam syarak dan dibuktikan dengan amalan generasi Salaf sebagai kelaziman untuk berzikir dengan bilangan tertentu adalah harus dan digalakkan mengikut kepada kemampuan diri masing-masing. Oleh itu, untuk mengelakkan salah faham dalam kalangan masyarakat terhadap tarekat tasawuf, maka golongan masyarakat perlu didedahkan sepenuhnya disiplin ilmu tersebut. Selain itu, pengamalan tarekat tasawuf juga perlu dibuka pada golongan umum bagi memperlihatkan segala bentuk pengamalan yang diamalkan dalam tarekat tasawuf bagi menangkis beberapa kekeliruan dan salah faham yang berlaku sejak sekian lama mengenainya.

## PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan kajian yang dijalankan di bawah dana Geran Penyelidikan Insentif, Kolej Universiti Islam Melaka (GPI /21/F1/16). Para penulis amat berterima kasih atas tajaan dana ini.

## RUJUKAN

- Abd al-Qadir 'Isa. (2007). *Haqaiq An al-Tasawuf*. Halab: Dar al-Irfan.
- Abdul Qadir al-Jilani. (1998). *Sirrul Asrar*. Terj. K.H. Zezen Zaenal Abidin Zayadi Bazul Asyhab. Batu Caves: Thinkir Library.
- Abdul Rahman Abdullah. 1997. *Pemikiran Islam di Malaysia*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Abu 'Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari. (2000). *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-Aziz al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Abu 'Ubaydah Masyhur bin Hasan Alu Salman & Abu 'Abd Allah Ahmad bin Isma'il al-Shawkani. (2007). *Qamus al-Bid'a*. Doha: Dar al-Imam al-Bukhari.
- Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairi al-Nisaburi. (2000) *Sahih al-Muslim* dalam *Mausu'ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Abu Bakar Jabir al-Jazairi. (1990). *Aisar al-Tafasir*. Jeddah.
- Abu Hafsh Umar bin Ali al-Bazzar. (1976). *al-A'lam al-Aliyyah fi Manaqib ibn Taimiyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Jadid.
- Abu Nuaim Ahmad bin Abdullah al-Asfahani. (1996) *Hilyah al-Awliya' wa Tabaqat al-Asfiya'*. Kaherah: Dar al-Fikr.

- Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar al-Asqalani. (2001). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Qahirah: Maktabah al-Miṣr. Wizarah al- Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyah. (1992). *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah*. Kuwait: Wizarah al- Awqaf wa al-Syu'un al- Islamiyah.
- Arief Salleh Rosman, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Md Zuraini Mashrom. (2021). *Disiplin Ilmu Tarekat Rohani Berasaskan Manhaj Ahlus Sunnah wal Jamaah*. Johor: Jabatan Mufti Johor.
- Che Zarrina Sa'ari. (2007), *Pengajian Tasawuf di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Faisal Muhammad Nur. (2017). Perspektif Zikir di Kalangan Sufi. *Substantia Jurnal*, 189-198.
- Ibn Kathir. (1992). *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Dar a-Ma'arif.
- Ibn Manzur. (2013). *Lisan al-Arab*. Kaherah: Dar al-Hadith
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah. (2003). *Madarij al-Salikin*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy.
- Khalif Muammar. 2015. Dicapai pada 2 Jun 2021 melalui laman sesawang IKIM [https://ikimfm.my/laporan-khas-tasawuf-tarekat-sufi-2-3/Laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Rujukan Persuratan Melayu \(PRPM\), dicapai pada 2 Jun 2021, http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=zikir](https://ikimfm.my/laporan-khas-tasawuf-tarekat-sufi-2-3/Laman%20sesawang%20Dewan%20Bahasa%20dan%20Pustaka,%20Pusat%20Rujukan%20Persuratan%20Melayu%20(PRPM),%20dicapai%20pada%202%20Jun%202021,%20http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=zikir).
- Mohd Hasif Murtadza. (2018). Syekh Tarekat al-Ahmadiyah al-Idrisiah al-Rashidiah al-Dandarawiah, Pondok Rasah, dalam temu bual bersama penulis, 19 April 2018.
- Muhammad Firdaus Abdul Manaf. (2018). Syekh Tarekat Naqsyabandiyah Kholidiyyah Kuala Klawang, dalam temu bual bersama penulis, 1 April 2018.
- Mustafa Zahri. (1984). *Kunci Memahami Ilmu Tasawuf*. Surabaya: Pustaka Bina Ilmu.
- Nasir Othman. (2018). Sheikh Tarekat al-Syazuliyah al-Darqawiyah, dalam temu bual bersama penulis, 5 April 2018.
- Nik Muhammad Rozi Nik Yusoff. (2018). Wakil Naib Syekh Tarekat Dusuqiyyah Muhammadiyah Seremban, dalam temu bual dengan penulis, 30 Mac 2018
- Sayid Nur bin Sayid 'Ali. (2000). *at-Tasawwuf al-Syar'i*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Shaifudin Maulup. (2018). Syekh Tarekat Qadiriyyah wa Naqsyabandiah, Nilai, dalam temu bual bersama penulis, 7 Januari 2018.
- Syekh 'Abd al-Aziz bin Baz et al. (1999). *al-Bad'u wa al-Muhdathatu Wa Ma La Aslalahu*. Riyadh: Dar Ibn Khuzaimah.
- Syekh Abdul Samad al-Falimbani, (t.t), *Siyar al-Salikin*, Pulau Pinang: Maktabah Dar al-Maarif.
- Syekh Daud Abdullah al-Fathani. (2019). *Dhiya'ul Murid Fi Ma'rifah Kalimah al-Tawhid*. Selangor: Khazanah Fathaniyah.
- Uthman Khalid et.al. (2006). *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahbah Zuhaili. (2009). *al-Tafsir al-Munir*. Dimasyq: Dar al-Fikr.

- Wan Mohd Saghir Wan Abdullah. (2021). *Penyebaran Thariqa-Thariqat Sufiyah Muktabarah di Dunia Melayu*. Selangor: Khazanah Fathaniyah.
- Zakaria Stapa, "Sanad Tarekat: Sejauh Mana Sandarannya Kepada Amalan Para Sahabat" (Kertas kerja Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan 2016 anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Mufti Negeri Melaka, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Jabatan Islam Negeri Melaka (JAIM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) pada 16 Ogos 2016, Auditorium Masjid al-Azim, Melaka), 1.
- Zakaria Stapa. (1996), *Tasawuf dan Empat Tokoh Sufi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Stapa. (2012), *Pendekatan Tasawuf dan Tarekat: Wadah Pemeraksanaan Jati diri Ummah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Mohammad al-Bakri. (2011), "Kedudukan dan Peranan Tasawuf Dalam Pembinaan Ummah" (Prosiding Diskusi Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan 2011, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 215